

NOTA AMALAN NO. 2/2017

**PINDAAN SEKSYEN 15A AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
ISU BERHUBUNG PERJANJIAN PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI
(PPPDK) SEDIA ADA**

- 1.0 Nota ini dikeluarkan untuk memperjelaskan impak pindaan Seksyen 15A, Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta ini) ke atas Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) sedia ada.
- 2.0 Malaysia mengambil pendirian bahawa Malaysia berhak untuk mengenakan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP ke atas bayaran perkhidmatan kepada pemastautin Negara Penjanji tanpa mengambilkira perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia atau luar Malaysia. Walau bagaimanapun, di bawah beberapa PPPDK antara Malaysia dengan Negara Penjanji, hak Malaysia untuk mengenakan cukai pegangan ini disekat seperti berikut:

Negara Penjanji	Implikasi
Singapura	Bayaran berkaitan perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia tidak tertakluk kepada cukai pegangan.
Sepanyol	Bayaran berkaitan perkhidmatan tidak tertakluk kepada cukai pegangan.
Australia	Bayaran berkaitan perkhidmatan tidak tertakluk kepada cukai pegangan.
Turkmenistan	

Ketua Pegarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

TARIKH PENERBITAN: 23 JUN 2017